

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 12 November 1969 > Page 2 > Penerbit "Telatah" menyeru kepada penulis2 muda

Penerbit "Telatah" menyeru kepada penulis2 muda

Berita Harian, 12 November 1969, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL6156

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Penerbit "Telatah" menyeru kepada penulis2 muda

SINGAPURA, Selasa.
—Enche Zain Mahmood, Penerbit kanan RTS — Radio dan Tablighien Singapura — menyeru penulis2 muda yang mempunyai daya pemikiran yang baharu supaya tampil kemuka mengisi ranchangan baharu-nya: "Telatah."

Menurut-nya ranchangan baharu itu akan menggantikan ranchangan 'MASA' yang akan berakhir minggu depan. Sebanyak 34 siri telah dikemukakan dalam siri tersebut.

Thema baru

Ranchangan yang di-tayangkan dua minggu sekali itu telah di-terbitkan oleh Enche Basron Jumat

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
12 November 1969

Reel Number:
NL6156

Share

Table of Contents

< Previous Page 2 >

Perolehan pekebun2 kecil berganda

Perolehan pekebun2 kecil berganda SEREMBAN, Selasa SEJAK KILANG2 HEYEACRUMB DI-BENA

Cheramah karya Negro

Cheramah karya Negro KUALA LUMPUR. Selasa. — Profeisor Michael Oreicus. sa-orang pensharah

Peruntokan \$5,000 untuk buka di-Masjid Negara

Peruntokan \$5,000 untuk buka di-Masjid Negara KU A L A LUMPUR, Selasa. Masjid Negara menyediakan peru

View Full Table of Contents >

Ramai pelakon2 baharu dan 'Veteren' telah di-kemukakan oleh penerbit-nya sa-panjang siri tersebut.

Dalam ranchangan baharu ini yang akan di-mulakan pada hari raya, thema* yang akan di-kemukakan di-dalam-nya ialah "penyesuaian hidup dalam masharakat bandar."

Sasuai dengan thema tersebut, maka penulis2 muda yang mempunyai daya pemikiran yang baik dan yang mempunyai unsur kemajuan telah di-seru supaya tampil.

Menurut Enche Zain penulis muda yang banyak perchamporan dan jauh pandangan-nya tentang keadaan hidup di-dalam bandar "sudah pasti akan dapat mengisi ranchangan ini dengan tulisan2 mereka."

Idea2 baru

Di-tegaskan-nya bahawa apa yang di-kehendaki-nya ia-lah 'idea2 baharu' untok di-isi dalam ranchangan tersebut. Ta' perlu 'idea2 baharu' itu di-susun menjadi script cheritanya.

Bellau menyatakan bahawa penulis2 lama yang selalu menjayakan ranchangan TV "bukan tidak punya daya pemikiran baharu," tetapi "biar-lah mereka mengisi ranchangan2 lain yang lebeh sasuai dengan perwatakan mereka sa-bagai penulis."

Ramai pelakon2 baharu dan lama dari kalangan bukan Melayu akan di-kemukakan dalam ranchangan tersebut.



ENCHE ZAIN MAHMUD

Related Articles



No related article found.

